

05/04/1997

Tunjuk perasaan perbuatan bodoh: PM

KOTA BHARU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan sekumpulan penyokong Pas dan pelajar pusat pengajian tinggi tempatan mengadakan demonstrasi kerana membantah kehadiran pasukan kriket Israel, sebagai perbuatan bodoh.

Menurut Perdana Menteri, dengan adanya demonstrasi itu, hasrat kerajaan untuk menunjukkan kepada pemimpin dan rakyat Israel bahawa orang Islam di negara ini berfikiran waras tidak tercapai.

"Kita hendak menunjukkan kepada orang Israel, orang Islam di negara ini berfikiran waras, tetapi dengan perbuatan ini segala tujuan dan hasrat kita tidak tercapai," katanya ketika ditanya mengenai tindakan demonstrasi oleh kumpulan terbabit hari ini.

Dalam kejadian di Kuala Lumpur kira-kira jam 2 petang tadi, kira-kira 1,600 orang, termasuk 100 wanita berarak ke pintu masuk universiti itu sebagai bantahan terhadap penyertaan pasukan Israel dalam Kejohanan Trofi Majlis Kriket Antarabangsa 1997.

Kekecohan tercetus apabila kumpulan itu mengingkari perintah supaya bersurai menyebabkan pihak polis terpaksa menyembur air kepada kumpulan terbabit dan menahan 49 orang daripada mereka.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sebenarnya mahu menunjukkan kepada pasukan kriket Israel itu hakikat di negara ini ada orang Islam boleh melakukan tindakan tanpa didorong oleh emosi.

(END)